

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang Masalah Kajian**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan yang bercorak demokrasi berparlimen. Bagi negara yang memilih pemerintahan berdasarkan demokrasi, pilihan raya merupakan salah satu ciri utama yang akan menentukan pemimpin dalam menerajui sesebuah kerajaan. Berbeza pula dengan pemerintahan yang bercorak kuku besi, kerajaan tidak ditentukan melalui pilihan raya. Sebaliknya orang-orang yang mempunyai kuasa memerintah dikawal rapi oleh angkatan bersenjata.<sup>1</sup> Disamping itu, Malaysia juga adalah negara beraja yang dikenali sebagai Raja Berpelembagaan iaitu Raja yang memerintah mengikut Perlembagaan.<sup>2</sup>

Sistem demokrasi berparlimen di Malaysia dikenali sebagai sistem demokrasi ala *Westminster* yang diambil namanya bersempena dengan nama tempat parlimen England di London iaitu *Westminster Abbey*.<sup>3</sup> Namun demikian, Malaysia tidak mengamalkan sepenuhnya prinsip-prinsip yang terdapat di dalam sistem demokrasi sebagaimana di Barat kerana mengambil kira beberapa faktor. Yang pertama ialah kerana Malaysia merupakan negara bersekutuan yang mempersatukan tiga belas buah kerajaan negeri. Manakala Britain merupakan negara yang mengamalkan pemerintahan berbentuk negara tunggal.

Kedua ialah kerana kewujudan pelbagai kaum di Malaysia yang mempunyai adat resam dan budaya tersendiri juga menjadikan Malaysia mengambil langkah

---

<sup>1</sup> Mohd Salleh Abas, *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 169.

<sup>2</sup> Hakim Zakaria, *Sistem Pemerintahan Beraja* (Petaling Jaya: Quicklink Communication Sdn. Bhd, 2009), 8.

<sup>3</sup> Mustafa Ishak dan Afifi Abdul Razak, *Politik dan Pemerintahan Negara* (Singapura: Thomson, 2006), 110.

mencorakkan sistem kerajaan dengan acuan tersendiri. Kita dapat menyaksikan beberapa peruntukan istimewa diberikan dalam membantu kedudukan ekonomi seperti hal perezapan kuota tentang perkhidmatan awam, permit, biasiswa dan lain-lain.<sup>4</sup> Sebagai contoh, Perlembagaan mentakrifkan beberapa hak orang Melayu dan Bumiputera lain untuk memberi peluang yang terjamin agar apabila sampai masanya nanti, mereka akan setaraf kaum lain.<sup>5</sup>

Selain itu, Perlembagaan<sup>6</sup> (bertulis atau *written law*) merupakan institusi yang paling tinggi di Malaysia. Dalam Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan, dicatatkan bahawa kuasa Parlimen berperanan untuk menggubal undang-undang yang dinyatakan. Tetapi jika undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen bercanggah dengan Perlembagaan, maka undang-undang itu akan terbatal di bawah kuasa mahkamah.<sup>7</sup> Manakala England pula hanya mempunyai kumpulan kertas undang-undang yang telah diluluskan di parlimennya dan seterusnya peranan mahkamah hanyalah menerima dan menafsirkan sebarang draf yang diusulkan berkaitan pentadbiran kerajaan. Ini menunjukkan parlimen merupakan perundangan yang paling tinggi di England.

Pemerintahan yang mengamalkan sistem demokrasi dapat dilihat menjalinkan hubungan yang memerlukan peranan rakyat dalam membentuk sesebuah kerajaan. Merujuk kepada perkataan demokrasi itu sendiri, ia sebenarnya berasal

---

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Mukhriz Mahathir dan Khairy Jamaluddin, *Dasar Ekonomi Baru: Intipati* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2004), 47.

<sup>6</sup> Perlembagaan Malaysia yang dahulu dinamakan dengan nama perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Perlembagaan ini telah digubal dan diwujudkan pada 31 Ogos 1957. Sekalipun ia telah diubahsuai lebih kurang 26 kali, namun perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan yang dibuat itu setakat ini masih kekal dengan undang-undang asal yang telah diwujudkan. Penggubal Perlembagaan ini, sama ada di dalam dokumen asalnya atau yang telah diubah dan dipinda beberapa kali bukanlah dibuat oleh pakar-pakar yang terlalu pintar di dalam undang-undang tetapi juga dibuat dengan kerjasama dan perbincangan yang amat meluas oleh kakitangan kerajaan yang berpengalaman dan orang-orang yang berpandangan luas berdasarkan panduan dan model Perlembagaan India, Amerika Syarikat dan negara-negara lain.

<sup>7</sup> Ahmad Atory Hussain, *Sistem Pemerintahan dan Pentadbiran Barat: Suatu Tinjauan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 31.

daripada perkataan Greek ‘*demos*’ (rakyat) dan ‘*kratos*’ (pemerintahan) yang membawa maksud pemerintahan rakyat.<sup>8</sup> Bagi negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, pilihan raya adalah satu kaedah yang dilaksanakan untuk memilih pemimpin-pemimpin politik dan ketua negara.<sup>9</sup> Ini bermakna pilihan raya amat penting dalam menentukan pemimpin yang akan memikul tanggungjawab besar dalam sesebuah kerajaan.

Pilihan raya di Malaysia ternyata mempunyai perjalanan yang menyaksikan pelbagai peristiwa bersejarah berlaku. Pengalaman-pengalaman yang lalu mematangkan proses pilihan raya di Malaysia yang menjangkau 13 musim lamanya dalam memilih tampuk pemerintahan yang berwibawa. Sejarah pilihan raya di Malaysia bermula di George Town, Pulau Pinang yang berlangsung pada tahun 1955 iaitu pilihan raya peringkat tempatan sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Diikuti pula dengan pilihan raya umum pertama selepas kemerdekaan yang telah diadakan pada 19 Ogos 1959<sup>10</sup> dan diikuti dengan pilihan raya umum yang terakhir iaitu pada 5 Mei 2013. Proses pilihan raya ini biasanya diadakan lima tahun atau lebih awal dari itu.

Menyentuh tentang calon yang bertanding, proses ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang mempunyai kelayakan seperti berumur 21 tahun ke atas, bermastatutin tetap di Malaysia dan sebagainya mengikut syarat yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, golongan wanita juga tidak terkecuali menyertai pilihan raya yang terdiri dari pelbagai kaum di Malaysia. Mengenai calon wanita Muslim, tidak dinafikan bahawa penyertaan mereka di Malaysia sudah dapat diterima masyarakat setempat semenjak pilihan raya umum yang pertama diadakan iaitu pada tahun 1959.

---

<sup>8</sup>Mustafa dan Afifi, *Politik dan Pemerintahan Negara*, 107.

<sup>9</sup>Ghazi Ramli dan Aidit Ghazali, *Pemimpin Politik Berwibawa Pada Alaf Baru: Cabaran & Panduan* (Kuala Lumpur: Akademi Iqra’, 2010), 64.

<sup>10</sup>Muhamad Ali Embi, *Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2009), 50.

Namun begitu, tidak semua negeri meletakkan calon wanita Muslim pada peringkat awalnya atas sebab-sebab yang tertentu. Pelbagai isu yang dilontarkan oleh sesetengah pihak mengenai keterlibatan wanita Muslim dalam politik. Hakikatnya, isu mengenai pemilihan calon ternyata memberi pengaruh kepada pengundi secara tidak langsung. Antara perkara yang dipertimbangkan untuk dipilih sebagai calon pilihan raya ialah jantina dan tentunya berkaitan dengan gender. Persepsi terhadap kehadiran golongan wanita khususnya wanita Muslim di dalam bidang-bidang tertentu sememangnya sukar dikikis, ditambah pula apabila golongan ini ditawarkan dengan jawatan yang lebih tinggi berbanding lelaki seperti dalam bidang politik.

Sebagaimana yang kita maklum, politik merupakan antara bidang yang berkait rapat dengan aspek kepimpinan. Sifat kepimpinan merupakan salah satu daripada kriteria yang tidak dapat dipisahkan dengan identiti manusia. Namun demikian, golongan lelaki lebih mendominasi sifat tersebut kerana umumnya mereka merupakan ketua keluarga terhadap isteri dan anak-anak dalam aspek kekeluargaan. Apabila wanita turut melibatkan diri dalam bidang politik, maka di sinilah konflik bermula.

Sebenarnya, fenomena penglibatan wanita dalam kegiatan politik adalah salah satu daripada pengaruh budaya Barat. Wanita Barat sebenarnya masih mengalami diskriminasi daripada pihak lelaki dalam masalah upah dan gaji.<sup>11</sup> Maka, berlakulah satu gerakan yang menuntut persamaan hak wanita seperti yang dinikmati oleh kaum lelaki yang dikenali sebagai *feminisme*.

Di Barat, pemikiran dan gerakan feminism ini telah membina sebuah keyakinan sehingga ia menjadi satu dogma bahawa “tidak ada apa pun yang membezakan antara lelaki dengan wanita, sekalipun secara semula jadi.”<sup>12</sup> Lantaran itu, mereka

---

<sup>11</sup> Kaulah Abd. Latief al-Atiqi, *Wanita Islam Hari Ini: Kerja & Fungsinya* (Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi 1997), 53.

<sup>12</sup> Zulkifli Dahalan, *Sejarah Pemikiran dan Tamadun Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2009), 340.

menganggap bahawa hak untuk mememilih secara universal dan pemilihan secara bebas sudah cukup untuk menghapuskan diskriminasi dalam politik.<sup>13</sup> Akhirnya, wanita telah diberi kebebasan dalam pelbagai bidang agar setanding dengan golongan lelaki.

Lantaran itu, melalui kajian ini penulis akan menganalisis pensejarahan penyertaan calon wanita Muslim dalam pilihan raya umum yang dijalankan di Semenanjung Malaysia pada tahun 1959 sehingga 2008. Penulis berharap agar segala huraian yang dijelaskan dapat membantu memahami kedudukan wanita Muslim dalam politik di Malaysia.

## **1.2 Pengertian Tajuk**

Melalui tajuk ‘Analisis Pensejarahan Penyertaan Calon Wanita Muslim dalam Pilihanraya Umum dari tahun 1959-2008 di Semenanjung Malaysia’, penulis akan merungkai definisi perkataan-perkataan berikut:

Analisis merupakan penyelidikan atau penghuraian sesuatu perkara yang berkaitan dengan keadaan, masalah, persoalan dan seumpamanya untuk mengetahui pelbagai aspeknya secara terperinci atau mendalam.<sup>14</sup> Proses ini akan merungkai perkara-perkara yang tidak diketahui secara umum dan seterusnya memperlihatkan jawapan-jawapan yang terselindung di sebaliknya. Pemikiran yang kritis amat diperlukan bagi seorang penyelidik dalam mengukuhkan lagi hasil penyelidikan tersebut.

---

<sup>13</sup> Maggie Humm, *Ensiklopedia Feminisme* (Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru, 2002), 350.

<sup>14</sup> Noresah Baharom, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 51.

Perkataan pensejarahan pula membawa maksud kajian kritis terhadap karya-karya sejarah<sup>15</sup> atau penulisan berkenaan tentang sejarah. Pensejarahan yang juga dikenali dengan historiografi ini boleh dikaitkan dengan pelbagai aspek seperti ekonomi, politik, sastera, geografi dan bidang sosial yang lain. Pensejarahan yang berasal daripada perkataan sejarah, membawa maksud ‘penyelidikan’ dalam bahasa Yunani. Secara tidak langsung, sejarah mengandungi dua makna iaitu peristiwa yang pernah berlaku pada masa yang lalu dan juga ingatan yang tercatat mengenai masa yang lalu itu.<sup>16</sup>

Menurut Ibnu Khaldun, sejarah adalah disiplin ilmu yang dipelajari secara luas oleh banyak bangsa dan kaum. Pada hakikatnya sejarah, mengandungi penelitian dan usaha mencari kebenaran (*tahqiq*), penjelasan yang halus tentang sebab dan asal benda; pengertian dan pengetahuan tentang substansi, esensi dan pengetahuan tentang bagaimana dan sebab terjadinya peristiwa-peristiwa.<sup>17</sup> Menurut E.H.Carr dalam bukunya *What is History?*, sejarah adalah suatu proses perhubungan yang tidak akan putus antara ahli sejarah dengan bahannya. Ia adalah suatu kesinambungan peristiwa dari zaman dahulu hingga ke sekarang.<sup>18</sup>

Perkataan penyertaan pula bererti perbuatan menyertai.<sup>19</sup> Mengikut *Kamus Dewan*, menyertai dapat disama ertikan dengan kata mengiringi, mendampingi, mengikuti, bersama-sama dengan, meneman, mengawani (untuk menolong dan sebagainya), mengikut serta dan turut bersama.<sup>20</sup> Dalam aspek politik, penyertaan merangkumi aktiviti mengundi, kemungkinan pendaftaran sebagai ahli dalam sesuatu

---

<sup>15</sup> Arba'iyah Mohd Nor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 68.

<sup>16</sup> Murtadha Mutahhari, *Masyarakat dan Sejarah*, terj. M. Hashem (Bandung: Penerbit Mizan, 1986), 1.

<sup>17</sup> Ibn Khaldun, *Tārīkh Ibn Khaldūn* (Lebanon: t.p., 1979), 3.

<sup>18</sup> Edward Hallett Carr, *What is History* (London: Macmillan, 1961), 24

<sup>19</sup> Noresah, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 1264.

<sup>20</sup> Ibid.

parti dan mempunyai pengetahuan asas mengenai politik Malaysia.<sup>21</sup> Terdapat 11 peringkat penyertaan politik yang berbeza, iaitu<sup>22</sup>:

1. golongan yang memegang jawatan politik dan pentadbiran negara
2. golongan yang berusaha untuk mendapatkan jawatan politik atau pentadbiran negara
3. ahli-ahli aktif dalam organisasi politik (contoh-parti politik)
4. ahli-ahli pasif dalam organisasi politik
5. ahli-ahli aktif dalam organisasi separa politik (contoh-kesatuan sekerja)
6. ahli-ahli pasif dalam organisasi separa politik
7. mereka yang menyertai perjumpaan awam dan tunjuk perasaan
8. mereka yang menyertai perbincangan politik secara tidak rasmi
9. mereka yang mempunyai minat secara am tentang politik
10. mereka yang mengundi
11. mereka yang tidak ambil kisah langsung tentang politik

Tiga golongan pertama merupakan kelompok minoriti dalam masyarakat dan tiga golongan terbawah pula mewakili kelompok majoriti dalam masyarakat.<sup>23</sup>

Pilihan raya dari segi takrifnya boleh dikaitkan dengan perbuatan memilih dan ia adalah berbeza pula dengan perbuatan melantik. Dalam konteks yang lebih luas boleh ditakrifkan sebagai pemilihan umum ke atas seseorang untuk sesuatu jawatan dan pemilihan ini dibuat menerusi undi sesebuah perkumpulan atau *constituent body*.

Apabila perbuatan memilih sesuatu atau seseorang untuk sesuatu jawatan atau

<sup>21</sup> Rashila Ramli, “Pembangunan Politik dan Gender: Cabaran dan Strategi bagi Calon-calon Wanita” dalam *Gender, Budaya dan Masyarakat*, ed. Rokiah Talib dan Shanti Thambiah (Kuala Lumpur: Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2008), 141.

<sup>22</sup> Mohd Faisal Syam Abdol Hazis, Neilson Iilan Mersat dan Ahi Sarok, *Tingkah laku Pengundian dalam Pilihan raya Parlimen Sarawak* (Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2002), 72.

<sup>23</sup> Ibid.

kedudukan dilakukan secara terbuka oleh sekumpulan orang, maka ia dikatakan pilihan raya.<sup>24</sup> Dengan erti kata lain, pilihan raya adalah satu kaedah yang dilaksanakan untuk memilih pemimpin-pemimpin politik dan ketua negara yang akan membentuk kerajaan bagi negara-negara yang mengamalkan Demokrasi Berparlimen.

Semenanjung Malaysia terletak di negara Malaysia yang terdiri daripada dua kawasan yang dipisahkan oleh Laut China Selatan. Kawasan tersebut ialah Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak dan Malaysia Barat atau Semenanjung Malaysia. Topografi Semenanjung Malaysia bercirikan banjaran gunung yang bermula dari selatan iaitu Negeri Sembilan hingga ke utara sempadan Malaysia-Thailand. Pada 2009, keluasan tanah di Malaysia adalah kekal pada 330,803 kilometer persegi (km<sup>2</sup>). Semenanjung Malaysia terdiri daripada 11 buah negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu. Di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Pahang merupakan negeri terbesar yang meliputi kawasan 36,137 km<sup>2</sup> (10.92%) daripada keseluruhan keluasan tanah.<sup>25</sup>

### **1.3 Perumusan Masalah Kajian**

Terdapat pelbagai persoalan yang timbul berdasarkan pernyataan-pernyataan sebelum ini. Oleh itu, permasalahan tersebut boleh dirumuskan seperti berikut:

- i Berapakah jumlah bilangan calon wanita Muslim yang menyertai pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia dari tahun 1959-2008?

---

<sup>24</sup> A. Rashid Rahman, *Perjalanan Pilihan raya Malaysia* (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, 1994), 1.

<sup>25</sup> Perangkaan Alam Sekitar, laman sesawang *Penerbitan Online-Kompendium Perangkaan Alam Sekitar, Malaysia 2010*, dicapai 20 Julai 2011, <http://www.statistics.gov.my>.

- ii Bagaimanakah prestasi calon wanita Muslim yang menyertai pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia dari tahun 1959-2008?
- iii Apakah yang mendorong wanita Muslim menyertai pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia?

#### **1.4 Objektif Kajian**

Dalam kajian yang bertajuk ‘Analisis Pensejarahan Penyertaan Calon Wanita Muslim dalam Pilihanraya Umum dari tahun 1959-2008 di Semenanjung Malaysia’ ini, penulis mempunyai beberapa objektif yang tersendiri. Antaranya ialah:

- i. Mengkaji bilangan calon wanita Muslim dalam pilihan raya umum dari tahun 1959 hingga 2008 khusus di Semenanjung Malaysia
- ii. Merumuskan sejarah penyertaan calon wanita Muslim dalam pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia
- iii. Menganalisis sejarah penyertaan calon wanita Muslim yang menyertai pilihan raya umum dari tahun 1959 hingga 2008 di Semenanjung Malaysia

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dilakukan ini mempunyai beberapa kepentingannya. Antara kepentingan kajian ini dilakukan adalah:

- i. Mengetahui bilangan golongan wanita Muslim yang menyertai bidang politik khususnya menjadi calon dalam pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia.

- ii. Mendedahkan tentang pencapaian wanita Muslim dalam bidang politik terutamanya pilihan raya umum di Malaysia.
- iii. Mengetahui sejarah penglibatan wanita Muslim dalam pilihan raya di Semenanjung Malaysia

### **1.6 Skop Kajian**

Berkenaan tajuk kajian ‘Analisis Pensejarahan Penyertaan Calon Wanita Muslim dalam Pilihanraya Umum dari tahun 1959-2008 di Semenanjung Malaysia’, penulis telah menghadkan kajian dalam skop yang telah ditentukan. Dalam kajian tentang penglibatan wanita dalam pilihan raya, penulis telah memilih wanita yang beragama Islam sahaja kerana bertepatan dengan bidang penulis. Manakala pilihan raya umum yang terlibat dalam kajian penulis ialah bermula dari tahun 1959 sehingga 2008.

Memandangkan pilihan raya umum di Malaysia bermula pada tahun 1959, maka penulis merasakan adalah tepat bermula dari awal agar dapat memahami sejarah dengan lebih baik. Seterusnya diikuti dengan susunan tahun pilihan raya umum di Malaysia iaitu tahun 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990, 1995, 1999, 2004 dan 2008. Penulis dapati banyak kajian yang dijalankan oleh penyelidik terdahulu hanya merangkumi perbandingan antara dua tahun pilihan raya iaitu sebelum dan selepasnya sahaja. Dengan ini, jumlah bilangan pilihan raya yang menjadi kajian penulis meliputi kesemuanya iaitu sebanyak 12 musim.

Apabila menyentuh tentang soal pilihan raya, sudah pasti melibatkan seluruh negeri di dalam Malaysia. Namun, kajian penulis hanya merangkumi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja iaitu sebanyak 11 buah negeri. Negeri-negeri berikut ialah Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan yang melibatkan Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sehubungan dengan itu, negeri-negeri yang terletak di Malaysia Barat tidak termasuk dalam kajian iaitu Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

### **1.7 Sorotan Perpustakaan**

Melalui beberapa analisis yang dilakukan, penulis telah menemui beberapa bahan penulisan yang berkaitan dengan kajian. Menyentuh perbincangan penglibatan wanita dalam pilihan raya, Lenore Manderson di dalam *Women, Politics, and Change: The Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945-1972* telah membincangkan mengenai wanita dalam bidang politik pada tahun 1945 sehingga 1972 khusus di dalam pergerakan Kaum Ibu UMNO di Semenanjung Malaysia. Perbincangan dimulai dengan kehidupan sosial wanita Melayu dari saat kecil sehingga dewasa iaitu bermula dengan zaman kanak-kanak sehinggalah berkahwin.<sup>26</sup>

Selain itu, beliau juga menyentuh aspek pendidikan dan hak wanita dalam bahagian harta selepas berakhirnya sesebuah perkahwinan. Antara lain, beberapa aktiviti serta struktur organisasi Pergerakan Kaum Ibu UMNO turut dipaparkan melambangkan wanita telah mula menceburi politik dengan lebih serius walaupun dalam keadaan yang serba sederhana.

Menerusi karya Lenore Manderson, penulis dapati beliau berusaha memperlihatkan peranan wanita Islam dalam arena politik di Malaysia. Beliau menolak dakwaan bahawa perjalanan wanita Malaysia dalam politik masih ditakuk lama. Hakikatnya penubuhan Kaum Ibu UMNO merupakan kewujudan terawal parti politik wanita dalam sejarah Malaysia. Namun begitu, pengkajian beliau hanya sekitar tahun

---

<sup>26</sup> Lenore Manderson, *Women, Politics, and Change: The Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945-1972* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980), 15.

1940-an sehingga era 70-an sahaja iaitu pada tahun 1945 sehingga 1972. Disamping itu, hanya sebuah parti politik sahaja iaitu UMNO yang menjadi tumpuan kajian. Tambahan pula, penyertaan wanita dalam aspek pilihan raya hanya dibincangkan secara umum iaitu dengan mengambil beberapa contoh calon-calon wanita Islam pada era 1950-an. Oleh yang demikian, pengkajian penulis dapat membantu memenuhi kekurangan yang ada memandangkan kajian penulis meliputi kesemua musim pilihan raya iaitu sebanyak 12 musim.

Perbincangan mengenai wanita dan politik semakin mendapat perhatian dalam hasil penulisan Virginia H. Dancz, ‘*Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*’ . Buku ini merupakan penyelidikan yang melibatkan kajian penglibatan wanita dalam politik di Malaysia yang merangkumi kaum Melayu, China dan India. Kajian ini berjaya mengesan beberapa pertubuhan awal wanita dalam parti politik seperti penubuhan Kaum Ibu UMNO, MCA dan MIC. Secara tidak langsung, sumbangan wanita dalam mengembangkan perjalanan parti politik turut dipaparkan.

Penulisan ini juga bertujuan untuk mengetahui mengapa wanita melibatkan diri secara aktif dalam politik dan apakah faktor-faktor yang membantu mereka bersemangat waja. Ternyata sifat wanita pada zaman terawal bukanlah pasif seperti yang didakwa dengan hanya berada di dapur dan mendiamkan diri dalam hal-hal politik. Di samping itu, beliau juga mengkaji mengenai kewujudan pertubuhan-pertubuhan parti politik lain seperti PAS, DAP, Gerakan, Perkemas dan lain-lain.<sup>27</sup>

Penulis dapati kajian beliau banyak menyentuh peranan wanita dalam politik di Malaysia kerana berjaya mengesan kewujudan pertubuhan-pertubuhan yang dianggotai oleh wanita sama ada dari parti pembangkang mahupun parti kerajaan. Penulis akui sedikit sebanyak kajian beliau dapat membantu penulis memahami corak kehidupan

---

<sup>27</sup> Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia* (Singapura: Oxford University Press, 1987), 181.

wanita di Semenanjung Malaysia. Namun demikian, isu mengenai peranan wanita dalam menyertai pilihan raya masih tidak diketengahkan. Selain itu, penulisan ini diterbitkan pada tahun 1987 dan ini menunjukkan bahawa isu yang dibincangkan masih berada dalam lingkungan 1990-an. Justeru kajian berwajah baru perlu dilakukan seiring dengan perubahan masa dan inilah yang akan dilaksanakan penulis sesuai dengan tajuk kajian yang meliputi zaman millennium.

Selain itu, penyelidik tempatan iaitu Ho Hui Ling dalam *Prestasi Calon Wanita dalam Pilihan Raya Umum ke-12* iaitu dalam buku Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian telah memaparkan secara keseluruhan mengenai prestasi calon wanita yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum 2008. Perbincangan ini meliputi penglibatan calon wanita mengikut parti politik dan negeri-negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Beliau juga turut mengetengahkan kempen pilihan raya yang dijalankan calon wanita bagi meraih sokongan dari pengundi.

Antara isu yang dibangkitkan ialah berkaitan isu gender iaitu tentang wanita seperti hak-hak wanita, kebajikan kaum wanita, bantuan ibu tunggal dan lain-lain. Manakala kawasan-kawasan yang diberi penekanan dalam isu kempen pilihan raya ini ialah kawasan Parlimen Seputeh, Parlimen Petaling Jaya Utara, kawasan Parlimen Lembah Pantai serta beberapa tempat lain. Selain itu, cara calon wanita berkempen juga disertakan dalam perbincangan seperti mengadakan perjumpaan dengan rakyat setempat, memberi ceramah, mengadakan lawatan ke pasar pagi dan malam<sup>28</sup> dan sebagainya bagi membolehkan pengundi mengenali calon dengan lebih dekat.

Beliau bependapat bahawa prestasi calon wanita dalam Pilihan Raya Umum 2008 adalah sangat memuaskan terutama bagi calon-calon wanita daripada parti pembangkang seperti DAP, PKR dan PAS. Ini berdasarkan keputusan PRU 2008 yang

---

<sup>28</sup> Ho Hui Ling, “Prestasi Calon Wanita dalam Pilihan raya Umum Ke-12” dalam *Pilihan raya Umum Malaysia Ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, ed. Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman dan Suffian Mansor (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011), 205.

mencatatkan bahawa hampir kesemua calon-calon yang dipertandingkan menang. Sebaliknya pretensi calon wanita dari BN, MCA dan MIC agak memerlukan kerana beberapa calon wanita yang utama terutama dari UMNO tidak berjaya seperti Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan lain-lain. Begitu juga dengan calon wanita dari MCA dan MIC yang turut mengalami nasib yang sama. Apa yang pasti, penglibatan calon wanita yang bertanding dalam pilihan raya di Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.

Meneliti hasil penulisan Ho Hui Ling, penulis mendapati kajian beliau hampir menepati beberapa isu yang ingin penulis ketengahkan seperti menganalisis penglibatan wanita dalam pilihan raya dalam era moden iaitu tahun 2008 dan membuat perbandingan dengan PRU sebelumnya iaitu tahun 2004. Namun begitu, beliau tidak mengkaji dari sudut penyertaan calon wanita, sebaliknya hanya berdasarkan senarai calon-calon wanita yang telah memenangi kerusi sama di peringkat Parlimen mahupun DUN. Di sini kita dapat melihat bahawa terdapat perbezaan di antara calon yang menyertai pilihan raya dan calon yang telah berjaya dipilih dalam pilihan raya. Memandangkan tidak semua calon yang bertanding dalam pilihan raya berjaya dipilih sebagai penyandang kerusi, maka kedudukan mereka tidak menjadi penekanan utama. Ini kerana beliau hanya menganalisis calon-calon wanita yang menang bertanding sahaja.

Selain itu, kajian beliau merangkumi semua parti politik di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak serta tidak tertumpu pada calon wanita Muslim semata-mata kerana melibatkan semua kaum di Malaysia. Oleh itu, penulis merasakan perlunya kajian yang memberi tumpuan penuh mengenai penampilan calon wanita khusus yang beragama Islam dalam pilihan raya umum di Malaysia.

Sementara itu, sebuah artikel Rashila Ramli yang bertajuk ‘*Pembangunan Politik dan Gender: Cabaran dan Strategi bagi Calon-calon Wanita*’ di dalam buku

Gender, Budaya dan Masyarakat telah memberi kuperasan yang menarik tentang calon-calon wanita yang bertanding pada pilihan raya umum tahun 1995 dengan memberi tumpuan terhadap cabaran dan strategi bagi calon wanita yang bertanding. Kajian ini telah dijalankan oleh sekumpulan penyelidik dari UKM yang menemu bual hampir semua calon wanita di seluruh negara yang bertanding untuk kawasan Parlimen dan DUN pada tahun tersebut.

Penulis dapati kajian ini memberi penekanan mengenai isu gender. Ini kerana gender merupakan salah satu faktor yang memberi pengaruh kepada pengundi dalam pilihan raya umum di Malaysia. Ini boleh menyebabkan wanita berada agak ketinggalan dalam arena politik berbanding golongan lelaki.<sup>29</sup> Selain itu, kajian beliau hanya berdasarkan penyertaan pilihan raya umum pada tahun 1995 sahaja yang meliputi semua calon wanita yang bertanding. Ini bermakna tiada pengkhususan kajian dilakukan bagi mana-mana parti politik mahupun kaum di Malaysia sebaliknya menilai hampir kesemua calon wanita yang bertanding. Oleh yang demikian, masih tiada lagi kajian yang dilakukan terhadap calon wanita Muslim sepanjang pilihan raya umum di Malaysia di laksanakan.

Rashila Ramli juga turut membincangkan mengenai penglibatan wanita dalam politik secara umum dalam artikel *Expanding Women's Political Participation: Examining the Option* dalam buku *Elections and Democracy in Malaysia*. Antara perkara yang menjadi perbincangan utama ialah kaitan antara penglibatan wanita dalam politik dengan sistem pilihan raya, parti politik serta kewujudan penubuhan-penubuhan sosial di Malaysia. Sebagai contoh terdapat beberapa halangan calon wanita yang terpaksa ditempuh seperti struktur parti politik yang mengutamakan kredibiliti parti. Secara tidak langsung kelayakan calon wanita sedikit sebanyak tergugat kerana penanda aras yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, wanita tetap mempunyai pilihan untuk

---

<sup>29</sup> Rashila, "Pembangunan Politik dan Gender," 23.

meningkatkan tahap penglibatan dengan kewujudan beberapa penubuhan NGO wanita seperti *Women's Aid Organisation* (WAO), *Women's Candidacy Initiative* (WCI), *Women's Agenda for Change* (WAC)<sup>30</sup> dan sebagainya.

Menerusi hasil penulisan beliau, terdapat beberapa perkara yang diketengahkan. Antaranya ialah wujud sebahagian parti politik di Malaysia yang menghadkan penyertaan calon wanita atas sebab-sebab tertentu. Dengan demikian, akan belaku ketidakseimbangan terhadap penyertaan calon wanita dalam pilihan raya. Di samping itu, beliau juga turut memberikan beberapa strategi bagi mewujudkan keterlibatan wanita yang lebih seimbang dengan golongan lelaki. Di sini, penulis akui bahawa penulisan ini dapat membantu dalam memahami masalah-masalah yang berlaku ekoran wujud ketidaksamarataan penyertaan calon wanita dalam pilihan raya dengan calon lelaki. Namun kajian beliau masih melibatkan kesemua calon wanita sebagaimana karya-karya penulis lain. Tiada pengkhususan kajian yang dilakukan hanya untuk calon wanita Muslim sahaja. Oleh itu, penulis merasakan perlu diberi tumpuan khusus terhadap calon wanita Muslim kerana bangsa Melayu merupakan penduduk yang mencatat bilangan tertinggi di Malaysia.

Kajian mengenai wanita dalam politik sekali lagi dibincangkan pula oleh Zaiton Ghani di dalam artikel ‘*Wanita Melayu dalam Politik 1946-1948*’ dalam buku Sejarah Masyarakat Melayu Moden. Permulaan perbincangan telah didahului dengan keterlibatan kaum wanita dalam politik sebelum Perang Dunia Kedua meletus yang membabitkan Tun Kudu, Puteri Saadong dan Cik Siti Wan Kembang. Selepas Perang Dunia Kedua, wanita telah menunjukkan semangat nasionalisme berdasarkan penubuhan beberapa persatuan seperti Jabatan Kaum Wanita Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Bahagian Kaum Ibu Persekutuan Melayu Negeri Sembilan (PMNS),

---

<sup>30</sup> Rashila Ramli, “Expanding Women’s Political Participation: Examining the Options”, dalam *Elections and Democracy in Malaysia*, ed. Mavis Puthucheary dan Noraini Othman (Bangi: Penerbit UKM, 2005), 211

AWAS dan Kaum Ibu UMNO.<sup>31</sup> Perbincangan juga turut memuatkan peranan wanita di beberapa negeri ketika menentang Malayan Union seperti Puan Halimahton Majid di Negeri Sembilan, Raja Perempuan Kalsom (isteri Sultan Perak) di Perak dan ramai lagi. Ia diakhiri dengan menyingkap sejarah penubuhan AWAS dan Kaum Ibu UMNO.

Hasil penulisan beliau ternyata menyentuh tentang isu wanita Muslim dalam politik di Malaysia. Berdasarkan pengamatan penulis, beliau membincangkan peranan wanita Muslim semasa zaman menuntut kemerdekaan dengan cukup baik kerana kajian beliau hanya melibatkan aktiviti wanita Muslim pada tahun 1946 sehingga 1948 sahaja. Dengan demikian, tidak hairanlah beliau mengemukakan beberapa pertubuhan wanita yang telah wujud pada waktu itu. Di samping itu, kajian beliau tidak menyentuh mengenai isu calon wanita yang menyertai pilihan raya kerana pilihan raya di Malaysia bermula pada tahun 1955 bagi peringkat tempatan dan bagi pilihan raya umum pula pada tahun 1959.

Sementara itu, Goh Cheng Teik dalam bukunya *Election Setbacks in Malaysia* secara umumnya menganalisis perbandingan keputusan pilihan raya umum yang berlaku pada tahun 1969 dan 2008. Beliau memilih untuk membuat perbandingan di antara kedua-dua pilihan raya umum ini kerana pada waktu itu telah belaku suatu peristiwa yang membawa kesan dalam masyarakat dan politik khususnya. Sebagai contoh, pada 1969 telah menyaksikan pertumpahan darah yang berlaku di antara dua kaum iaitu di antara kaum Cina dan Melayu pada 13 Mei 1969. Hal ini sudah pasti membabitkan isu perkauman<sup>32</sup> dan seterusnya memberi kesan terhadap keputusan pilihan raya khususnya UMNO. Manakala pada pilihan raya umum 2008 pula menyaksikan UMNO hampir-hampir kecundang dalam tampuk pemerintahan yang

---

<sup>31</sup> Zaiton Ghani, “Wanita Melayu dalam Politik 1946-1948” dalam *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, ed. Khoo Kay Kim (Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1985), 212.

<sup>32</sup> Goh Cheng Teik, *Election Setbacks in Malaysia* (Petaling Jaya: Sunway University College, 2009), 10.

dipegang selama ini berikutan penyandang kerusi DUN dan Parlimen di Semenanjung Malaysia nyaris-nyaris disambar licin oleh parti pembangkang.

Penulisan beliau diakhiri dengan gambaran masa depan politik di Malaysia. Penulis melihat perbincangan ini mempunyai ciri-ciri persamaan seperti pengkajian penulis iaitu mengenai pilihan raya di Malaysia. Beliau juga membuat perbandingan di antara pilihan raya yang terlibat berdasarkan isu politik dan ini dapat membantu penulis dalam memahami situasi yang berlaku dalam pilihan raya di Malaysia. Namun beliau memilih untuk menganalisis dua musim pilihan raya kerana peristiwa yang berlaku dalam pilihan raya tahun berkenaan. Sebaliknya penulis memberi penekanan terhadap penyertaan calon wanita Islam dalam pilihan raya yang berlaku dari tahun 1959 sehingga 2008.

Begitu juga dengan Muhamad Nadzri Mohamed Noor dengan hasil penulisannya *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari* yang melakukan analisis dan perbincangan berkenaan praktik PRU 2008. Analisis ini berdasarkan kerangka teori politik pilihan. Perbincangan mengenai impak dan praktik dalam politik Malaysia selepas pilihan raya turut dimuatkan. Sementara itu, kajian khusus tentang Pilihan Raya Kecil Permatang Pauh 2008 dan Kuala Terengganu 2009<sup>33</sup> tidak diabaikan kerana terdapat isu yang hangat diperkatakan. Begitu juga krisis politik yang melanda Perak membabitkan pemimpin pembangkang dan kerajaan. Akhir sekali, penilaian tentatif politik Malaysia di bawah pemerintahan Dato' Seri Najib Razak dibincangkan dengan baik sekali.

Penulis melihat perbincangan kali ini hanya menumpukan isu yang berlaku dalam pilihan raya ke-12 iaitu tahun 2008 sahaja seperti peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas PRU ke-12 seperti Pilihan Raya Kecil di Permatang Pauh dan corak

---

<sup>33</sup> Muhamad Nadzri Mohamed Noor, *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari* (Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), 2009), 61.

pemerintahan Dato' Seri Najib Razak selaku Perdana Menteri Malaysia yang ke-5. Beliau juga tidak menyentuh kajian mengenai calon wanita khususnya wanita Muslim dalam pilihan raya 2008. Walaubagaimanapun, penulisan beliau sedikit sebanyak dapat membantu penulis melihat senario yang berlaku dalam pilihan raya 2008 yang juga termasuk dalam pengkajian penulis.

Penulis juga telah menemui bahan penulisan yang berkaitan dengan kajian iaitu perbincangan mengenai penyertaan wanita dalam pilihan raya. Buku yang bertajuk '*Wanita Sebagai Calon Pilihan raya: Suatu Perbahasan dari Sudut Siyasah Syar'iyyah*' hasil penulisan Zulqarnain Hassan dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman ini mengungkap perbahasan yang cukup mendalam mengenai penglibatan wanita dalam politik khususnya dalam pilihan raya dari sudut pandangan Islam. Beliau memfokuskan isu sejauh mana Islam membenarkan wanita muslimah melibatkan diri dalam arena politik berdasarkan kerangka siyasah syar'iyyah. Oleh itu, beliau turut memuatkan hujah para cendiakawan Islam zaman silam dan mutakhir sama ada pro atau kontra dalam hal ini.<sup>34</sup>

Bahan penulisan ini merupakan suatu perbahasan yang menjadikan wanita Muslim sebagai fokus utama. Penyertaan wanita Muslim dalam pilihan raya dibincangkan mengikut pandangan dari perspektif Islam yang mengandungi pelbagai hujah para ulama Islam dalam menentukan kedudukan wanita dalam politik. Memandangkan kajian penulis memberi penekanan utama terhadap calon wanita Muslim yang menyertai pilihan raya, maka bahan penulisan ini amat sesuai bagi penulis berikut persoalan yang dibincangkan. Ini kerana calon wanita yang bukan beragama Islam tidak berhadapan dengan sebarang kontroversi daripada ahli-ahli cendekiawan sebaliknya berbeza pula keadaannya dengan calon wanita Muslim.

---

<sup>34</sup> Zulqarnain Hassan dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman, *Wanita Sebagai Calon Pilihanraya: Suatu Perbahasan dari Sudut Siyasah Syar'iyyah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2008). 35.

Isu mengenai penglibatan wanita Muslim dalam politik telah dibincangkan sejak dahulu sehingga kini yang melibatkan tatacara pergaulan dan batas-batas tertentu sebagai wanita muslimah. Sehubungan dengan itu, perbahasan ini memberi ruang kepada penulis meninjau adakah benar faktor syariat Islam memberi kesan terhadap penyertaan calon wanita Islam dalam pilihan raya yang diadakan di Malaysia.

Sementara itu, sebuah ensiklopedia yang memaparkan kesemua fakta terperinci tentang keputusan pilihan raya umum dari tahun 1959-2004 telah diterbitkan yang diberi judul ‘*Ensiklopedia Keputusan Pilihan Raya Umum Parliment & Dewan Undangan Negeri 1959-2004*’ yang berjumlah lima jilid. Ensiklopedia tersebut lengkap dengan kesemua senarai kerusi dan calon-calon yang bertanding serta semua keputusan undi yang dikira pada tahun 1959 sehingga 2004. Di samping itu, turut dimuatkan analisa arus pemilih yang mengundi dalam setiap pilihan raya umum seperti jumlah daftar pemilih yang berdaftar, jumlah keluar mengundi, jumlah peratusan keluar mengundi dan jumlah undi rosak.<sup>35</sup>

Ensiklopedia yang melibatkan keputusan pilihan raya umum dari tahun 1959 sehingga 2004 ini sememangnya hampir bertepatan dengan pengkajian penulis. Bahkan maklumat-maklumat yang disampaikan menerusi data-data tersebut ternyata menjadikan bahan ini sebagai rujukan utama kerana banyak membantu penulis dari sudut senarai calon-calon yang bertanding daripada permulaan pilihan raya dilaksanakan sehingga pilihan raya masa kini. Namun begitu, maklumat yang terdapat di dalam ensiklopedia ini meliputi kesemua calon iaitu lelaki dan wanita yang berbilang kaum di setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, kajian penulis dapat memberi satu nafas baru dalam menyenaraikan calon wanita Muslim yang menyertai pilihan raya di Malaysia dari tahun 1959 sehingga 2008.

---

<sup>35</sup> Hasan Hamzah, *Ensiklopedia Keputusan Pilihan Raya Umum Parliment & Dewan Undangan Negeri 1959-2004* (Shah Alam: BookDigital Sdn. Bhd, 2008).

Oleh itu, penulis membuat kesimpulan bahawa kajian literature yang telah dikaji berdasarkan tajuk ‘Analisis Pensejarahan Penyertaan Calon Wanita Muslim dalam Pilihanraya Umum dari tahun 1959-2008 di Semenanjung Malaysia’ tidak menyentuh isu wanita terutama wanita yang beragama Islam secara keseluruhan. Terdapat kajian yang melibatkan wanita Muslim dalam politik, namun kajian tersebut berada dalam jangka waktu yang sangat jauh ke belakang seperti tahun 1950 dan terhenti sekitar tahun 1970-an. Ini bermakna kajian mengenai wanita Muslim yang berada dalam tahun era 2000 tidak dinyatakan.

Selain itu, kajian yang dijalankan sebelum ini lebih menumpukan tajuk perbincangan dalam tahun-tahun tertentu yang dipilih dan membuat perbandingan di antaranya tanpa memberi tumpuan mengenai sejauh mana penyertaan calon wanita Muslim dalam aspek politik khususnya pilihan raya. Manakala sebahagian lagi lebih menjurus dalam pengkajian calon pilihan raya menurut perspektif Islam. Justeru, penulis mendapati kajian mengenai penyertaan calon wanita Muslim dalam pilihan raya umum sepanjang pilihan raya yang berlangsung di Malaysia dari tahun 1959 sehingga 2008 yang lalu harus dilakukan bagi melihat prestasi penglibatan wanita Muslim dalam politik. Ini penting bagi memastikan peranan wanita Muslim lebih seimbang dan sekata dengan golongan lelaki dan bersama-sama dapat menjalankan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat.

## **1.8 Metodologi Kajian**

Metodologi merupakan proses yang penting untuk memudahkan proses penyelidikan dijalankan dengan lebih teratur dan teliti. Berdasarkan proses ini, penulis telah menggunakan metode-metode yang bersesuaian dalam kajian penulis.

Metode-metode yang digunakan penulis ialah:

### **1.8.1 Metod Pengumpulan Data**

Pengumpulan data dilakukan untuk memperoleh informasi yang diperlukan dalam rangka mencapai tujuan penelitian.<sup>36</sup> Di dalam kajian ini, penulis melakukan penelitian dengan cara mengumpulkan maklumat dan data yang berkaitan dengan kajian. Secara tidak langsung, banyak maklumat yang memberi idea dan hala tuju kajian penulis. Beberapa metode lain dalam proses pengumpulan data ini ialah:

#### **1.8.1.1 Kajian Perpustakaan**

Dalam kajian ini, penulis memperolehi pelbagai bahan berbentuk buku, tesis, disertasi, jurnal, ensiklopedia, keratan akhbar dan lain-lain di beberapa perpustakaan seperti Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Perpustakaan Negara, Perpustakaan al-Bukhari, Universiti Teknologi Malaysia, Kampus Jengka Pahang, Perpustakaan Tun Razak, Ipoh, Pusat Islam Kuala Lumpur, Pusat Sumber dan Muzium Mini Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dan Arkib Negara. Sementara itu, penulis telah mendapatkan bahan bacaan berbentuk ensiklopedia dan almanak tentang politik di Malaysia yang terdapat di Perpustakaan Peringatan Za’ba, Universiti Malaya dan Perpustakaan Perbadanan Awam Negeri Sembilan.

##### **a) Metode Dokumentasi**

Metode ini merupakan kaedah yang membabitkan bahan bertulis sebagai bahan untuk memperoleh pelbagai maklumat. Menurut *Kamus Dewan*, dokumentasi ialah himpunan atau kumpulan bahan atau dokumen yang dapat digunakan sebagai asas bagi

---

<sup>36</sup> W.Gulo, *Metodologi Penelitian* (Jakarta: Grasindo PT Gramedia Widiasarana, 2001), 110.

sesuatu kajian, penghasilan sesuatu terbitan dan sebagainya.<sup>37</sup> Melalui metode ini, penulis merujuk kepada bahan-bahan seperti surat khabar, majalah serta dokumen kerajaan yang berkaitan isu wanita, lebih-lebih lagi dalam bidang politik dan pilihan raya. Bahan-bahan tersebut dianalisis dan diolah bagi membuat kesimpulan yang lebih berkesan.

**b) Metode Historis**

Metode sejarah merupakan metod yang berkaitan dengan sejarah atau asal-usul sesuatu peristiwa yang memberi petunjuk bagi mengetahui kebenaran serta kesahihannya. Dengan itu, metode ini perlu kerana penulis ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang sejarah penglibatan wanita khusus dalam bidang politik di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga amat berkaitan dengan sejarah pilihan raya di Malaysia. Ini dapat membantu penulis memahami dengan lebih tepat mengenai latar belakang kajian yang dijalankan.

**c) Metode Temu bual**

Penulis menggunakan metode temu bual tidak berstruktur untuk mendapatkan bahan yang berkaitan dengan sejarah. Penulis menemubual Pn. Faridah Hamzah berkenaan kisah hidupnya ketika peristiwa 13 Mei 1969. Selain itu, penulis mengalami kesukaran dalam melaksanakan metode ini apabila berhadapan dengan beberapa ahli politik yang terpilih untuk mendapatkan pandangan mengenai isu wanita dan politik. Penulis tidak berjaya mendapat respon yang positif berikutan beberapa masalah yang dihadapi seperti tiada tindakbalas dari pihak berkenaan serta nombor talian yang tidak dapat dihubungi. Ada kemungkinan pihak-pihak berkenaan sedang sibuk

---

<sup>37</sup> Noresah, *Kamus Dewan*, 312.

memandangkan pada waktu tersebut, rakyat Malaysia bakal menyaksikan pilihan raya umum yang ke 13.

### **1.8.2 Metode Analisa Data**

Penggunaan metode ini melibatkan penganalisaan beberapa fakta yang diperolehi hasil daripada metode-metode yang telah digunakan. Kesemua fakta-fakta ini akan dianalisa bertujuan mendapatkan suatu pernyataan yang lebih harmonis. Di samping itu, penulis juga menganalisis data-data yang diperolehi melalui saluran media berbentuk elektronik iaitu dalam rancangan televisyen. Dua rancangan tersebut ialah ‘Soal Wanita’ yang disiarkan dalam saluran TV Al-Hijrah dan ‘Soal Jawab’ di TV3. Siaran ini berbentuk sesi soal jawab berkaitan politik yang disiarkan sewaktu proses pilihan raya umum kali ke 13 berlangsung.

Penulis telah menggunakan metode ini di dalam bab empat iaitu proses menganalisa kesemua senarai calon wanita Muslim yang menyertai pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia dari tahun 1959 sehingga 2008. Proses ini mengambil masa yang agak panjang kerana data-data yang diperolehi begitu banyak dan memerlukan langkah berhati-berhati agar tidak berlaku sebarang kesilapan.

#### **1.8.2.1 Metode Induktif**

Metode induktif merupakan cara menganalisa daripada data-data khusus dan mencari bukti-bukti atau dalil-dalil yang bersifat umum. Kaedah ini dibina berdasarkan andaian khusus dan ia amat rumit memandangkan kaedah ini bersifat logistik. Penulis menggunakan metode ini di dalam bab dua, tiga dan empat yang meliputi data-data

mengenai sejarah, senarai calon wanita Muslim yang menyertai pilihan raya umum dan proses analisis.

### **1.8.2.2 Metode Deduktif**

Metode deduktif pula merupakan cara untuk membina satu teori atau merumuskan suatu gagasan pemikiran tentang fenomena yang dikaji. Oleh itu, penulis perlu meneliti data dan menganalisisnya bagi menghasilkan data yang berbentuk khusus daripada maklumat-maklumat yang bersifat umum.

### **1.8.2.3 Metode Komparatif**

Metode ini digunakan bagi menganalisis segala maklumat dan melakukan perbandingan bertujuan memperolehi pernyataan yang lebih jelas. Dalam metode ini, penulis banyak mengaplikasikan metode komparatif dalam bab empat berkaitan keputusan pilihan raya di setiap negeri dalam Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 1959 sehingga 2008 dan seterusnya melakukan analisis untuk mencapai keputusan yang sebenar.

### **Sistematika Penulisan**

**Bab 1-** Penulis memulakan bab satu dengan latar belakang masalah kajian, pengertian tajuk, perumusan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan perpustakaan serta metodologi penyelidikan. Di sini, penulis menghimpunkan beberapa metode yang digunakan seperti metode pengumpulan data, kajian perpustakaan, metode dokumentasi, metode historis, metode analisis data dan metode temubual. Penulis juga turut menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif.

**Bab 2-** Bab ini memuatkan mengenai sejarah pilihan raya di Malaysia dan sejarah penyertaan wanita Muslim dalam pilihan raya di Malaysia. Selain itu, perkara-perkara

penting dalam pilihan raya seperti kawasan pilihan raya, pengundi, calon dan proses pilihan raya turut dipaparkan. Perbincangan bab satu juga turut memuatkan jenis pilihan raya yang dijalankan di Malaysia.

**Bab 3-** Bab ini merupakan di antara bab yang memiliki jumlah halaman yang paling tinggi di antara semua bab kerana penulis memaparkan kesemua senarai calon wanita Muslim yang menyertai pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia dari tahun 1959 sehingga 2008. Senarai peserta-peserta ini membabitkan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia iaitu negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Bab 4-** Bab ini merangkumi analisis bagi penyertaan calon wanita Muslim dalam pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia dari tahun 1959 sehingga 2008. Selain itu, penulis juga memperlihatkan barisan wanita-wanita Muslim yang cemerlang sepanjang keterlibatan mereka dalam arena politik di Malaysia dari dahulu sehingga kini.

**Bab 5-** Bahagian ini merupakan bab yang terakhir iaitu penutup yang mengandungi kesimpulan dan saranan.